



Headline: Penjenayah scam licik, mahir teknologi terkini  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 27 August 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 18

# Penjenayah scam licik, mahir teknologi terkini

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 5,513 aduan berunsur penipuan diterima Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dalam tempoh 2020 sehingga Mei 2022.

Ketua Bahagian Keselamatan Rangkaian MCMC, Harme Mohamed, berkata aduan yang diterima itu dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa masing-masing.

Beliau berkata, kegiatan penipuan atau 'scam', sama ada secara dalam talian (online) atau luar talian (offline) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ke-

menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi berkenaan, tertakluk kepada bentuk penipuan yang dijalankan.

"Dalam kebanyakan keadaan, sasaran dipilih secara rawak. Ironinya, jenayah ini tidak kenal mangsa, apabila hampir semua lapisan masyarakat, termasuk golongan profesional turut menjadi mangsa.

"Semua orang boleh menjadi mangsa penipuan. Penipuan menyasarkan orang daripada semua latar belakang, umur dan tahap pendapatan. Tidak ada

satu kumpulan atau individu khusus yang lebih berkemungkinan menjadi mangsa penipuan, kita semua terdedah kepada penipuan," katanya.

## Scammer cuba dapatkan data peribadi mangsa

Mengulas lanjut, Harme berkata, penjenayah scam licik dan cepat menyesuaikan diri dengan teknologi semasa, mereka pandai bermain dengan fikiran dan emosi untuk meyakinkan mangsa bahawa mereka tidak ditipu.

Katanya, scammer akan sering mencuba dan mendapatkan apa juga data peribadi yang ber-

harga daripada mangsa, seperti nombor TAC (kod pengesahan transaksi) dan nombor akaun, atau identiti pengguna (ID) dan kata laluan.

"Mereka boleh menggunakan maklumat ini untuk mencuri wang anda, atau bahkan menggunakan identiti anda untuk menggunakan penipuan," katanya.

Beliau berkata, pengguna juga seharusnya berasa curiga dan berwaspada apabila menerima panggilan daripada sesebuah organisasi yang sah, yang meminta maklumat sensitif kerana ia bukan sesuatu yang biasa dilakukan organisa-

si yang sah.

Harme berkata, selain mendapat maklumat peribadi pengguna dengan melakukan penyamaran, penjenayah talian juga boleh mendapat maklumat mangsa daripada maklumat yang dikongsikan di tempat awam seperti pusat beli-belah dan acara awam serta daripada perkongsian di media sosial.

"Rakyat negara ini secara amnya tidak peka terhadap keselamatan data peribadi dan memasukkan maklumat peribadi seperti nama penuh dan nombor telefon mereka di media sosial seperti Facebook, Instagram dan blog," katanya.